

## SIARAN MEDIA

### EMPAT FOKUS UTAMA MALAYSIA MENJADI TARIKAN UTAMA NEGARA ANGGOTA UN-HABITAT KE ARAH MENCAPAI AGENDA MAMPAN 2030

---

**NAIROBI, KENYA, 8 Jun 2023** – Penyertaan Malaysia ke Persidangan *United Nations Human Settlements Programme* (UN-Habitat) 2023 telah memberikan impak positif dalam mengetengahkan komitmen negara dalam agenda pembangunan mampan.

Penglibatan ketua delegasi Malaysia, YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM), Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan dalam beberapa siri ucapnama, panel forum dan pertemuan bilateral dengan Dr. William Samoei Ruto, Presiden Kenya; rakan-rakan sejawat dan pemimpin-pemimpin negara anggota UN-Habitat serta sebagai penyampai ucapan dalam program sampingan negara China telah menzahirkan kewibawaan Malaysia di pentas antarabangsa.

Pembentangan YB KM dalam Sesi *High Level Interactive Strategic Dialogue on Special Theme of the 2nd Session of UN-Habitat Assembly* menarik perhatian dan minat mendalam negara anggota terutamanya dalam aspek pelaksanaan dasar, program pembangunan, pembiayaan dan penyediaan perumahan mampu milik.

YB KM menyatakan iltizam Malaysia bagi melaksanakan dan memacu pencapaian Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) dengan menggunakan empat fokus utama iaitu penjajaran dasar dengan perancangan strategik, struktur tatakelola, pengumpulan dan perkongsian data dan maklumat yang lebih tepat, dan akhir sekali dana bagi menyokong pelaksanaan SDGs.

Sementara itu, dalam program sampingan yang dihoskan oleh negara anggota Republik China, YB KM telah dijemput untuk menyampaikan ucapan bertajuk *Towards a Multilateral Collaboration and Knowledge Exchange System to Accelerate SDGs Implementation in Cities* yang menyentuh pendirian Malaysia yang kekal komited sepenuhnya kepada agenda bandar mampan. Malaysia sentiasa mencari penyelesaian baharu untuk

menangani pertumbuhan dinamik pembangunan bandar serta bersedia untuk menerima pakai amalan terbaik bagi menangani impak kepada alam sekitar.

Di kesempatan itu juga, YB KM turut mengadakan pertemuan khas bersama Dato' Seri Maimunah Mohd Sharif, Pengarah Eksekutif UN-Habitat. Dalam pertemuan tersebut, delegasi Malaysia dan UN-Habitat telah membincangkan mengenai kerjasama yang akan ditingkatkan untuk agenda pembangunan mampan. Sesi pertemuan ini sangat bermakna bagi memastikan Malaysia terus konsisten dalam merealisasikan usaha ke arah mencapai Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs).

**#MalaysiaMadani**  
**#StrongerTogether**  
**#DemiPertiwi**  
**#UnityInDiversity**

---

*Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).*

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan  
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)*

